

18 MAR 1999

MSC-AUSTRALIA

MDC SERU LEBIH BANYAK PENYERTAAN AUSTRALIA DALAM MSC

MELBOURNE, 18 Mac (Bernama) -- Industri multimedia dan teknologi maklumat (IT) Australia hari ini diseru menimbang supaya melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah memberitahu forum perniagaan kebangsaan Majlis Perniagaan Australia-Malaysia bahawa penyertaan Australia dalam MSC adalah di sekitar tiga peratus dan banyak lagi harus mengambil peluang yang ada.

Beliau berkata firma IT dari Australia, Biz.Tone.Com, ada di sana bersama-sama dengan firma lain yang terbaik, dan lebih banyak syarikat Australia harus melabur di Malaysia.

Dr Othman juga bercakap panjang mengenai kejayaan MSC dan undang-undang yang diadakan untuk menggalakkan penglibatan syarikat asing.

Beliau juga mengkritik majalah "Business Week" kerana laporan negatifnya baru-baru ini mengenai MSC dan dasar multimedia Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

NDC JR